

Kerjasama dengan Tun M mungkin jadi liabiliti kepada PN

Kuala Lumpur: Seorang penganalisis politik berpendapat kerjasama Perikatan Nasional (PN) dengan Tun Dr Mahathir Mohamed tidak akan memberi impak, malah sebaliknya mungkin menjadi liabiliti kepada gabungan itu.

“Tun M hilang deposit dan kalah teruk dalam PRU lalu, apa beza beliau ketika itu dengan beliau dalam menghadapi PRN akan datang?”

“Reputasi beliau sudah musnah selepas beliau letak jawatan (sebagai Perdana Menteri) daripada (kerajaan pentadbiran) Pakatan Harapan (PH) tanpa sebab,” kata Prof Madya Dr Jeniri Amir dari Fakulti Pengajian Bahasa dan Pengajian Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),

Menurut Jeniri, tindakan Mahathir meletakkan jawatan tanpa provokasi sehingga menyebabkan Pakatan Harapan hilang kuasa dalam pentadbiran kerajaan masih memberi kesan kepada penyokong beliau dan PH.

“Mahathir kalah teruk di Langkawi. Itu satu petunjuk besar menunjukkan beliau sudah tak ada taring. Taringnya dah tumpul,” katanya kepada *BH* ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, Jeniri berkata selain tidak memberi impak, Dr Mahathir sebaliknya akan menjadi liabiliti

kepada PN.

“Muhyiddin nak menang, beliau tak mampu sakitkan hati orang dan bermusuhan dengan sesiapa. PN mahu dapatkan sokongan, namun dengan bekerjasama dengan Dr Mahathir PN mungkin kehilangan sokongan,” katanya.

Semalam Pengerusi PN itu berkata beliau sedia bekerjasama dengan Tun Dr Mahathir Mohamad demi matlamat memperjuangkan nasib orang Melayu dan Islam.

Ia susulan bekas Pengerusi Gerakan Tanah Air (GTA) itu terlebih dahulu menyatakan kesediaannya bekerjasama semula dengan bekas sekutunya itu.

Muhyiddin dilapor berkata, beliau menyambut baik kenyataan Dr Mahathir yang bersedia bekerjasama dengannya.

“Sebagai seorang Muslim, saya secara peribadi bersedia untuk bekerjasama dengan semua tokoh Melayu dan Islam termasuk Dr Mahathir demi perjuangan membela agama, bangsa dan negara,” katanya dalam hantaran Facebook.

Ahli Parlimen Pagoh itu menegaskan, kesediaannya itu juga didorong dengan perkembangan politik mutakhir ini yang meletakkan umat Melayu dan Islam di negara ini di suatu persimpangan getir.